



Penduduk Kampung Semarang, Dengkil terpaksa mengharungi banjir bagi **menjalankan aktiviti harian** mereka.

[FOTO AHMAD IRHAM MOHD NOOR/BH]

Selaras tugas antara agensi

» **MKN sedia garis panduan hadapi bencana alam**

Oleh Nazura Ngah, Mohd Azrone Sarabatin, Mohd Nasaruddin Parzi, Hardi Effendi Yaacob, Zanariah Abd Mutalib, Nurhayati Abillah, Nurhasyima Hasim dan Mohd Iskandar Ibrahim
bhnews@bharian.com.my

■ Kuala Lumpur

Majlis Keselamatan Negara (MKN) sedang melaksanakan penye-
larasan antara agensi bagi mengurangkan risiko bencana alam berikutan banjir yang mula melanda beberapa negeri.

Menteri Pertahanan, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, berkata MKN mempunyai garis panduan untuk dilaksanakan di peringkat daerah dan negeri bagi menghadapi bencana alam.

Aset lengkap hadapi banjir
Katanya, agensi itu mempunyai aset menghadapi banjir

seperti lori tujuh tan dikenali Vetra yang boleh mengharungi banjir bagi mengendalikan operasi menyelamatkan dan memindahkan mangsa.

“Kita memberi perhatian kepada (keperluan) perubahan dan makanan untuk mengelak penyakit sebelum bencana berlaku dengan mempelajari risiko di beberapa negara yang pernah dilanda bencana dahsyat.

“Risiko bencana alam ini boleh kita kurangkan menerusi penyelarasan jabatan dan agensi yang dilakukan jawatankuasa di peringkat negeri dan daerah,” katanya di lobi Parlimen, semalam.

Ahmad Zahid berkata, Angkatan Tentera Malaysia (ATM) bersama agensi lain seperti Jabatan Bomba dan Penyelamat, jabatan kerajaan negeri dan pejabat daerah turut bersiaga menghadapi bencana alam itu.

Siap siaga

Katanya, ATM juga diletakkan dalam keadaan siap siaga untuk menggerakkan pegawai dan anggota bagi membantu mengurangkan risiko ketika banjir.

“Bagi Johor, kerajaan negeri belum meminta kita menggerakkan anggota, tapi bring-



Nor Emylika Norazmi (kiri) dan kakaknya, Nor Fazidatul Isnina **terpaksa mengharungi banjir** untuk menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia di Batu Pahat, semalam.

[FOTO BERNAMA]

dan batalion di Johor sentiasa bersedia bergerak menggunakan aset yang ada khususnya tentera darat,” katanya.

Ahmad Zahid berkata, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) turut memberi jaminan memberi bantuan makanan secepat mungkin kepada mangsa banjir.

“JKM mempunyai dapur bergerak memasak makanan bagi diagihkan di pusat pe-

mindahan mangsa banjir tetapi mangsa banjir juga perlu berwaspada untuk mengurangkan risiko bencana alam,” katanya.

BH Digital



Untuk lebih gambar sila layari
subscription.nstp.com.my

“**la dijangka disertai ribut petir dan angin kencang yang berpotensi menyebabkan banjir kilat**”

Jurucakap Jabatan Meteorologi Malaysia

Hujan diramal tanpa henti minggu ini

Kuala Lumpur: Hujan pada waktu petang hingga malam diramalkan berterusan di negeri Pantai Barat terutama di Perak, Selangor, Melaka dan Johor, sepanjang minggu ini.

Jurucakap Jabatan Meteorologi Malaysia berkata, ia dijangka disertai ribut petir dan angin kencang yang berpotensi menyebabkan banjir kilat.

Paras sungai tahap bahaya

Laman web Jabatan Pengairan dan Saliran juga melaporkan paras beberapa sungai di Selangor termasuk di daerah Hulu Langat, Kuala Langat, Sepang dan Kuala Selangor sudah melepasi tahap bahaya.

Sungai berkenaan ialah Sungai Langat di Batu 12 (42.21

meter); Sungai Langat di Bukit Changgang (4.41 meter); Sungai Labu di Kampung Salak Tinggi (9.52 meter) dan Sungai Buloh di Sri Aman (8.52 meter).

Sementara itu, di Johor, Sungai Lenik di Ladang Chaah di daerah Batu Pahat turut mencatat paras bahaya 6.11 meter.